

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 OGOS 2014 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MetMalaysia laksana pembenihan awan	Berita Harian
2	Paras air dua empangan merosot	Harian Metro
3	Amaran angin kencang, laut bergelora berterusan	Sinar Harian
4	Rain in Klang Valley brings respite from haze	The Malay Mail
5	Water level at Selangor dams still dropping	The Sun
6	MDV sedia biaya sektor hijau negara	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 1 OGOS 2014 (JUMAAT)

MetMalaysia laksana pembenihan awan

» **Takungan di Empangan Sungai Selangor, Sungai Tinggi masih kurang**

Oleh Ifwan Tun Tuah,
Mohamad Zulfaizan Mansor
dan Maria Uffa Zulkafeli
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Empangan Sungai Selangor dan Sungai Tinggi di Selangor masih di bawah paras minimum 55 peratus setakat pagi, semalam.

Menurut statistik laman web Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), peratus takungan air di Sungai Selangor mencatatkan 33.46 peratus, manakala Sungai Tinggi sebanyak 47.39 peratus.

Enam empangan lain di Selangor mele过asi paras minimum dengan Empangan Batu mencatatkan jumlah takungan tertinggi iaitu 82.99 peratus, diikuti Semenyih (77.87), Klang Gates (70.66), Tasik Subang (67.14), Langat (63.26) dan Kolam Takungan Sungai Labu (59.57).

Berikutnya masalah itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), dijangka melakukan pemberian awan di empangan Sungai Selangor,

“
Walaupun sesetengah kawasan di seluruh negara mengalami hujan, jumlah takungan air di empangan itu masih berkurangan”

Che Gayah Ismail,
Ketua Pengarah
MetMalaysia

hari ini.

Ketua Pengarah MetMalaysia, Datuk Che Gayah Ismail, berkata pembenihan awan bergantung kepada kesediaan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

“Walaupun sesetengah kawasan di seluruh negara mengalami hujan, jumlah takungan air di empangan itu masih berkurangan.

Kuantiti awan banyak
“Paras air di empangan Sungai Selangor kini di bawah paras minimum dan esok (hari ini) amat sesuai untuk kita laksanakan pembenihan awan kerana kuantiti awan yang banyak.

“MetMalaysia sudah bersedia untuk melaksanakannya sejak Sabtu lalu,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Pengarah Unit Komunikasi Korporat, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Carol Pelly, berkata belum ada sebarang permohonan daripada mana-mana kerajaan negeri untuk melakukan catuan air.

Di Seremban, walaupun negara dijangka berhadapan fenomena El Nino tidak lama lagi, kesedaran masyarakat negeri ini mengenai kesannya terhadap kehidupan harian masih rendah.

Secara keseluruhan, masyarakat belum bersedia menghadapi fenomena panas berpanjangan itu, yang akan menyebabkan bekalan air susut lebih cepat jika tiada langkah penjimatkan bermula sekarang.

Pantau penggunaan air
Pengurus Besar Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Zulkifli Ibrahim, berkata pemantauan pihaknya terhadap aliran penggunaan air di negeri ini tidak menunjukkan perubahan ketara.

Sehubungan itu, Zulkifli berkata, SAINS sedang memfokus kepada kewaspadaan kesedaran yang menekankan kepentingan menjimatkan air, pengawalan kebocoran, kitar semula air dan menyimpan air hujan untuk kegunaan luar.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 39
TARIKH: 1 OGOS 2014 (JUMAAT)

Paras air dua empangan merosot

Kuala Lumpur: Paras air di dua daripada lapan empangan di Selangor berada di bawah paras minimum disebabkan kekurangan hujan.

Berdasarkan statistik yang dipaparkan di laman web Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), setakat jam 8 pagi semalam, Empangan Sungai Selangor menunjukkan ia berada di paras 33.46 peratus manakala Sungai Tinggi pada paras 47.39 peratus menunjukkan ia masih kurang berbanding paras minimum 55 peratus.

Bagaimanapun, statistik di laman web itu juga menunjukkan enam empangan lain masih berada pada paras tinggi termasuk Empangan Batu 82.99 pe-



PARAS air di Empangan Sungai Selangor hanya 33.46 peratus.

FAKTA
Paras minimum empangan adalah 55 peratus

ratus, diikuti Semenyih (77.87 peratus), Klang Gates (70.66 peratus), Tasik Subang (67.14 peratus) La-

ngat (63.26 peratus) dan Kolam Takungan Sungai Labu (59.57 peratus).

Sementara itu, Pengarah Unit Komunikasi Korporat Suruhanjaya Perkhidmatan

Air Negara (SPAN), Carol Pelly berkata, setakat ini pihaknya belum menerima permohonan untuk melaksanakan kaedah bekalan air berjadual bagi Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Bagaimanapun, sekiranya ada permohonan, SPAN akan membuat pertimbangan dan akan membuat pengumuman melalui sidang akhbar atau siaran media," katanya.

Akhbar sebelum ini melaporkan, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) meramalkan akan berlaku perubahan cuaca yang beransur kering dalam tempoh beberapa bulan lagi kerana pertambahan angin barat daya yang akan menjadi atmosfera kering di Malaysia.

Amaran angin kencang, laut bergelora berterusan

KUALA LUMPUR - Tiupan angin kencang barat daya dan laut bergelora di perairan Perlis, Kedah dan Kudat serta pantai barat di Sabah dijangka berterusan hingga Selasa ini.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia, angin dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (ksmj) dan ombak dengan ketinggian sehingga 3.5 meter itu adalah berbahaya kepada bot kecil, rekreasi dan sukan laut.



Cuaca ribut petir yang berlaku di perairan pantai barat dan pe dalaman Sabah juga dijangka ber terusan sehingga lewat petang ini.

Sementara itu, bagi perkапalan pula, keadaan angin kencang dan laut bergelora turut diramal melanda perairan Phuket, Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan sehingga Selasa dengan kelajuan dari 40 hingga 50 kmsj dan ombak setinggi 3.5 meter. - Bernama

Rain in Klang Valley brings respite from haze

PETALING JAYA — The rain has brought much needed relief from the haze in the Klang Valley and other areas, at least for the moment.

Malaysian Meteorological Department officer Ambun Dindang said rain was effective in combating haze as it helped to quench forest fires and reduce atmospheric temperatures.

Ambun said isolated and scattered showers were expected in the Klang Valley and other areas this afternoon and evening.

"The rain will continue until this weekend. By next week, we will be expecting less rain," he said.

Air Pollutant Index (API) readings at 5pm yesterday showed all areas in the country

By Alexander Winifred

alexander@mail.com.my

had good to moderate levels of air quality.

The areas that recorded good API readings included Petaling Jaya (42), Shah Alam (44), and Putrajaya (48), while moderate air quality was recorded in Sibu (70), Batu Muda (62), Banting (53), and Cheras (56).

This was in stark contrast to Tuesday's readings in Sibu (165), Batu Muda (133), Banting (131), Cheras (122), and Putrajaya (120).

However, visibility levels remained below optimal levels in many areas, dropping to

just 3.5km in Petaling Jaya at 10am before improving to 7km in the evening.

Other areas with less than normal visibility levels included Gong Kedak (3km), Labuan (6km), Kuching (6km), Batu Embun (6km) and Ipoh (7km). Normal visibility is 10km.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri G. Palanivel said there have been 4,413 cases of open burning recorded this year. Of these, 1,436 cases involved fires in agricultural areas, 898 in forest areas, 34 in industrial areas, 137 in construction areas, 77 in rubbish disposal areas, and 1,013 in bush areas. Small fires made up 818 cases.

Compounds were issued for 315 cases,

while 101 offenders were issued warning notices.

The Department of Environment has opened investigation papers on 45 of the cases, of which 14 cases have been submitted to the deputy public prosecutor, while five cases have been filed at the Sessions Court.

Yesterday, *Malay Mail* reported that the department's director-general Datuk Halimah Hassan had promised to investigate all cases and complaints of open burning received.

Under the Environmental Quality Act 1974, those found guilty of open burning face a fine of up to RM500,000, up to five years in jail, or both.

Water level at Selangor dams still dropping

> Public urged to be frugal to ensure continued supply

BY MUHAMMAD HANIFF RAHMAT

newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The water level at the seven dams in Selangor is dropping with two below the minimum level of 55%.

The Selangor Water Management Authority (LUAS) website indicated that the Sungai Selangor dam which serves some 7.1

million consumers in Klang Valley is on the verge of reaching the critical level mark with it now at 33.46% while that of Sungai Tinggi dam is at 47.39%.

As of yesterday, there is only 76.69 million cubic metres of raw water supply left at Sungai Selangor; the critical level is at 30%

It has dropped 1.68% since Saturday despite intermittent rainfall over the weeks.

Water level at Batu dam is 82.24%; Klang Gates dam is 70.66%; Sungai Labu water retention pond is 59.57%; Langat dam is 63.26%; Semenyih dam is 77.87% and Sungai

Tinggi dam is 47.39%.

Only Tasik Subang dam recorded an increase in water level with it recording 67.14%, compared to 66.95% on Saturday.

The Malaysian Meteorological Department on Tuesday had warned that the current hot and dry spell is expected to end on September.

Meanwhile, the Selangor state government has advised consumers to be careful with their water usage and not waste water as every drop saved will go a long way in continued supply of water.

MDV sedia biaya sektor hijau negara

Malaysian Debt Ventures Bhd (MDV) sudah membantu dan memberi sokongan dalam membawa teknologi hijau ke hadapan serta berkeupayaan dan bersedia untuk memainkan peranan sebagai bank pembiayaan khusus untuk sektor hijau.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech), Ahmad Hadri Harris, berkata sekiranya Malaysia benar-benar mempertimbang untuk mempunyai cabang pelaburan khusus, negara memerlukan sebuah institusi seperti MDV.

"Pembentangan dan fasilitator pembangunan bagi sektor teknologi baru muncul memahami dan menghargai teknologi, terutama teknologi hijau."

"Ia juga berminat untuk melihat projek yang lebih kepada daya maju serta kecekapan dan bukannya pada perspektif syarikat," katanya di Kuala Lumpur.

Hadir sama, Pengarah

Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif MDV, Datuk Md Zubir Ansori Yahya.

Sementara itu, Md Zubir berkata, MDV sentiasa dihadapan dalam pembiayaan teknologi, bermula dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), diikuti bioteknologi dan kini ia melihat lebih banyak peluang dalam teknologi hijau.

Modal berbayar RM100,000

Beliau berkata, apa yang dilihat pada masa hadapan bagi ICT ialah internet dan dalam bidang lain pulalah membabitkan isu pemansasan global serta memulihara alam sekitar yang menjadi isu penting.

"Di sinilah teknologi hijau terbabit dengan pembiayaan menjadi elemen penting," katanya.

Beliau berkata, bagi memohon pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS), syarikat perlu mempunyai modal berbayar RM100,000, tidak kurang daripada lima ka-

kitangan, projek yang baik dan sijil teknologi hijau.

"Mengenai metodologi penilaian, penekanan yang lebih kepada teknologi dan pasukan pengurusan syarikat untuk melihat sama ada mereka mampu menyampaikan projek dan teknologi yang digunakan," katanya.

Md Zubir berkata, bank terhad oleh peraturan Bank Negara Malaysia yang menekankan pada kunci kira-kira dan rekod prestasi.

"Ini menyukarkan syarikat baharu walaupun dengan teknologi cemerlang mendapatkan pembiayaan," katanya.

Beliau berkata, nisbah portfolio yang digunakan MDV ialah 90 peratus ICT dan 10 peratus bioteknologi.

"Kini ICT mengambil sebahagian besar daripadanya dengan 65 peratus, antara 25 dan 28 peratus bagi teknologi hijau manakala bakinya adalah bioteknologi," katanya.

BERNAMA